



KENYATAAN MEDIA BERSAMA

PENGUMUMAN PEMBUBARAN MRM DAN PENGAKTIFAN SEMULA BADAN PELESENAN MACP, PPM DAN RPM.

10 Julai 2020, Kuala Lumpur - Music Authors' Copyright Protection (MACP) Berhad (MACP), Public Performance Malaysia Sdn. Bhd. (PPM) dan Recording Performers Malaysia Berhad (RPM) ("Badan Pelesenan") hari ini telah mengumumkan secara rasminya pembubaran Music Rights Malaysia Berhad (MRM).

MRM telah diperbadankan oleh Badan Pelesenan sebagai syarikat usahasama bukan berasaskan keuntungan untuk mengeluarkan lesen muzik secara kolektif berkuatkuasa 1 Januari 2017 selepas menerima pengisytiharan dari Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Namun, MRM tidak dapat berfungsi secara berkesan sebagai sebuah badan pelesenan muzik kolektif kerana cabaran yang tidak dapat diatasi dalam mendapatkan kata sepakat antara Badan Pelesenan mengenai hal-hal operasi yang menyebabkan MRM tidak mampu bergerak ke hadapan. Selepas proses perundingan dan perbincangan yang panjang, Badan Pelesenan membuat keputusan untuk membubarkan MRM dan Badan Pelesenan kembali melesen pengguna muzik secara berasingan seperti sebelum ini demi menjaga kepentingan pemegang hakcipta. Pemegang lesen muzik juga akan menikmati tahap perkhidmatan yang lebih baik dari 3 Badan Pelesenan dengan pengaturan baru ini. Berikutan pembubaran tersebut, MRM telah menghentikan operasinya dan mandat pelesenan tersebut diserahkan semula kepada Badan Pelesenan.

Oleh yang demikian, semua perjanjian pelesenan yang ditandatangani dengan MRM telah ditamatkan. Badan Pelesenan akan mengambil alih dan melesen secara berasingan mengikut mandat dan syarat yang telah ditetapkan berkuatkuasa 1 Mei 2020.

Setiap badan pelesenan iaitu MACP, PPM dan RPM akan menjalankan aktiviti pelesenan mengikut tariff yang telah ditetapkan oleh setiap Badan Pelesenan secara berasingan. Pegawai pelesenan dan ejen dari setiap badan pelesenan tersebut akan mula menghubungi setiap pemegang lesen bagi tujuan menjelaskan pengaturan baru tersebut.

Badan Pelesenan akan memastikan proses pembubaran tersebut dan proses pengaktifan semula berjalan dengan lancar dan mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.



Setelah pengaturan ini dilaksanakan, Badan Pelesenan dapat meneruskan peranan mereka dengan lebih adil untuk penggunaan dan persembahan muzik bagi pihak pemegang hakcipta dan pada masa yang sama memenuhi keperluan pengguna muzik komersial dengan lebih baik.

Badan Pelesenan:

	<p>Music Authors' Copyright Protection (MACP) Berhad</p> <p><i>Sebuah syarikat berhad yang dijamin ahli didaftarkan pada 7 September 1989 sebagai organisasi pengurusan kolektif yang tidak berasaskan keuntungan untuk mentadbir persembahan awam dan hak siaran anggota kami, yang terdiri daripada penulis lagu, komposer dan penerbit muzik, dengan 4514 ahli sehingga kini.</i></p> <p>www.macp.com.my</p>
	<p>Public Performance Malaysia (PPM) Berhad</p> <p><i>Organisasi pengurusan kolektif bukan berasaskan keuntungan, yang dijamin ahli, mewakili semua syarikat rakaman Malaysia yang layak dan syarikat rakaman antarabangsa yang secara eksklusif dilesenkan anggota PPM untuk mengawal hakcipta mereka di Malaysia, mengeluarkan lesen dan mengumpulkan royalti dari pengguna komersial suara, video muzik dan rakaman karaoke untuk aktiviti yang dilindungi hakcipta, seperti persembahan awam, komunikasi kepada umum, pengeluaran semula untuk tujuan persembahan awam dan komunikasi kepada umum dan sewaan komersial.</i></p> <p>www.ppm.my</p>
	<p>Recording Performers Malaysia Berhad</p> <p><i>Sebuah syarikat berhad yang dijamin ahli didaftarkan pada 18 Oktober 2011 sebagai organisasi pengurusan kolektif yang tidak berasaskan keuntungan yang mewakili artis rakaman dalam hal pelesenan kolektif dan pengagihan royalti yang diberikan kepada pelaku berkenaan dengan persembahan awam dan penyiaran persembahan mereka yang terkandung dalam rakaman suara.</i></p> <p>www.rpm.my</p>